



## JABATAN MUZIUM MALAYSIA

JALAN DAMANSARA  
50566 KUALA LUMPUR

### DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Adalah menjadi dasar Jabatan Muzium Malaysia ini menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk semua pekerja dan orang lain yang mungkin terjejas oleh aktiviti-aktivitinya.

Pihak pengurusan dan pekerja akan bersama-sama berusaha untuk mencapai matlamat dan objektif dasar ini melalui rundingan dan kerjasama.

Khususnya dasar **Jabatan Muzium Malaysia** ini adalah :

- Untuk menyediakan dan menyelenggarakan tempat dan sistem kerja selamat dan sihat;
- Untuk memastikan bahawa semua pekerja adalah diberi maklumat, arahan, latihan, penerangan dan penyeliaan berkenaan cara untuk menjalankan tugas mereka dengan selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan;
- Untuk menyiasat suatu kemalangan, penyakit, keracunan dan kejadian berbahaya dan mengambil langkah-langkah untuk memastikan kejadian-kejadian tersebut tidak berulang lagi;
- Untuk mematuhi kehendak-kehendak perundangan mengenai keselamatan dan kesihatan seperti yang ditetapkan di dalam **Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994**, peraturan dan tata amalan yang diluluskan;
- Untuk menyediakan peralatan perlindungan diri (PPE) dan kemudahan-kemudahan asas bagi semua pekerja dan
- Untuk mengkaji semula dasar ini apabila perlu.

**Jabatan Muzium Malaysia** yakin bahawa keselamatan dan kesihatan mestilah diintegrasikan ke dalam aktiviti-aktiviti harian dan menggunakan cara kerja yang selamat dan sihat adalah faktor utama ke arah memastikan kejayaan misi jabatan.

Untuk memastikan pelaksanaan dasar ini, pihak pengurusan akan menyelaraskan aktiviti-aktiviti keselamatan dan kesihatan seperti yang telah dirancang.

**(DATO' IBRAHIM BIN ISMAIL)**

**KETUA PENGARAH  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

**TARIKH : 1 JANUARI 2013**